

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI
[BAGAN DATUK]**

TARIKH : 15 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan pada ketika ini, berapakah jumlah graduan lepasan ijazah yang dikesan masih menganggur dan apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian untuk menangani lambakan graduan menganggur ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) Tahun 2018 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), bilangan graduan yang belum bekerja selepas satu tahun tamat pengajian bagi peringkat pengajian Ijazah Pertama dan ke atas adalah seramai 30,765 orang atau 59.9 peratus daripada 51,365 orang graduan yang belum bekerja.

KPM melaksanakan saringan awal yang ketat terhadap program-program yang hendak ditawarkan oleh universiti awam (UA). Pihak UA perlu menjalankan kajian analisis yang terperinci termasuklah kajian pasaran terhadap program akademik yang hendak ditawarkan, dijumudkan, dibekukan atau dilupuskan. Program akademik yang ditawarkan juga perlu mengambil kira keperluan guna tenaga dan bidang kritikal yang telah dikaji dan dibentangkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perangkaan Malaysia, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA), *Talentcorp*, *Jobstreet* dan agensi-agensi berkaitan yang turut hadir dalam mesyuarat saringan awal dan perakuan program.

KPM memberi penekanan kepada UA supaya menyemak semula program akademik yang dikekalkan dalam sistem penawaran adalah yang menepati aspek keperluan tenaga negara, laluan kerjaya dan tahap kebolehpasaran graduan, tiada duplikasi program akademik sedia ada dalam kalangan institusi pendidikan tinggi (IPT), implikasi kewangan, perjawatan dan fizikal serta perkembangan polisi dan dasar terkini negara. Kursus-kursus baharu seperti kursus *Internet of Things*, *Big Data* dan *Augmented Reality* diserapkan ke dalam program pengajian supaya selari dengan kehendak IR 4.0.

Bagi menyokong kepada keberkesanan kurikulum yang dibangunkan, pelbagai program kerjasama antara pihak industri dan KPM telah dilaksanakan. Antaranya melalui pengenalan *Academia Talent Exchange Programme* (AI-xChange):*CEO @ Faculty Programme* yang

telah berjaya mendapat penyertaan seramai 72 orang CEO terdiri daripada pelbagai sektor industri.

Selain itu, program peningkatan kemahiran berteraskan industri terus diperkuuhkan bagi meningkatkan kemahiran pekerja melalui pendekatan pembelajaran *Work-Based Learning* atau Pembelajaran Berasaskan Pekerjaan.

Tumpuan turut diberikan kepada pelaksanaan Program-program Intervensi Kebolehpasaran Graduan kepada pelajar-pelajar program akademik yang kurang permintaan daripada industri atau sukar mendapat pekerjaan. Melalui program intervensi ini pelajar-pelajar ini akan diberikan nilai tambah melalui pensijilan tambahan seperti *digital marketing*, *cyber security* dan lain-lain bagi membantu meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan.

KPM juga meningkatkan penerapan atribut keusahawanan kepada pelajar untuk menggalakkan graduan bekerja sendiri dan mampu berdaya tahan dalam jangka masa panjang. Melalui Kerangka Penjana Pekerjaan (*Job Creator Framework*) pelajar akan didedahkan dengan program-program Pembudayaan, Pengukuhan dan Sokongan untuk menjadi seorang usahawan.

Sekian, terima kasih.

RJM 17